



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

6 OGOS 2019 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

6 OGOS 2019 (SELASA)

Hak ketua cabang zahir sokongan

Oleh DIANA AZIS
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 5 OGOS

KETUA cabang PKR di seluruh negara mempunyai hak untuk menahkikan sokongan kepada Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui cara tersendiri, termasuk kaedah mengumpul tanda tangan.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, adalah menjadi lumrah dalam politik apabila mendapat sokongan terhadap penumpun ahli yang mahu menyatakan melalui cara tertentu.

"Apabila ada sejumlah ketua cabang mahu menyatakan sokongan kepada presiden, itu lumrah kerana dalam berpolitik, ini (perkara) biasa, ada sokong, ada tak sokong."

"Pilihan ketua cabang menzahirkannya (mengumpul tanda tangan di peringkat cabang), pada saya tidak mengagalah, kita biar proses itu, (kumpul tanda tangan) bukanlah menjelaskan ekonomi negara," katanya dalam sidang akhbar selepas hadir sesi dialog menerusi bersama-belia di sini hari ini.

Beliau mengulas kenya-taan ketua Wanita PKR, Haniza Mohamed Talha hari ini yang dilaporkan berkata, tindakan

'Apabila ada sejumlah ketua cabang mahu menyatakan sokongan kepada presiden, itu lumrah kerana dalam berpolitik, ini (perkara) biasa, ada sokong, ada tak sokong.'

SAIFUDDIN NASUTION
ISMAIL



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL, ketika sesi dialog bersama menteri di Dewan Serbaguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, PKR merupakan parti demokratik dan bebas yang mengutamakan Anwar sebagai pembuang masa.

Mengulas lanjut, Saifuddin kerana mereka tahu signifikan tindakan tersebut. Menerusi laporan sebuah portal, Haniza dipetik berkata, PKR di Port Dickson pada 21 Julai lalu.

lah memimbulkan kekeliruan dalam kalangan ahli akar umbi.

Semalam Ketua Cabang PKR Kangar, Noor Amin Ahmad mendakwa lebih 90 peratus atau 197 daripada 219 ketua cabang parti itu di seluruh negara menyokong kepemimpinan Anwar dan menafikan berlaku perpecahan dalam parti itu.

Amin mendakwa, semua ketua cabang itu telah dihubungi dan taudatangan pengesahan mereka turut diperoleh berdasarkan perakuan mereka yang menandatangani resolusi Majlis Pemukiman Pimpinan PKR di Port Dickson pada 21 Julai lalu.

Dialog dengan wakil belia isu kos sara hidup

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan dialog dengan wakil gabungan belia seluruh negara bagi mendapatkan input dan idea dalam menangani isu kos sara hidup golongan muda.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sesi itu juga membolehkan kementeriaannya menjelaskan dasar dan inisiatif dilaksanakan berkaitan usaha menangani kos sara hidup rakyat.

Katanya, beliau sendiri mendingar pelbagai idea dan persoalan dilontarkan belia menerusi sesi dialog bersama hampir 300 belia peserta 41 gabungan belia seluruh

negara yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia (MBM) di kementeriaannya, semalam.

"Saya sangat teruja dan terkesan dengan pandangan dan persoalan disampaikan wakil, malah saya mencadangkan kepada MBM supaya inisiatif sama dilaksanakan pada peringkat negeri.

"Melalui cara ini, isu kepenggunaan dan kos sara hidup dapat diperluaskan, terutama membabitkan belia," katanya selepas sesi dialog berkenaan.

Saifuddin berkata, sebagai komitmen kerajaan membawa suara belia untuk bersama menangani isu kos sara hidup, KPDNHEP menyenaraikan Presiden

MBM, Juffri Joha, menganggotai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Sebagai sekretariat majlis itu, kita juga dalam proses menyenaraikan wakil Majlis Belia FELDA.

"Ini bukti kesungguhan kementerian yang melihat potensi dan sumbangan wakil belia pada peringkat jawatankuasa tertinggi diwujudkan kerajaan," katanya.

Saifuddin berkata, antara isu dibangkitkan belia pada sesi dialog berkenaan adalah berkaitan pemilihan rumah. Mereka mahu kerajaan memaamkan peranan

mengawal selia harga rumah supaya tidak hanya ditentukan faktor lain.

"Mereka juga berasakan sistem data dalam program Food Bank di 11 universiti yang dilaksanakan KPDNHEP ketika ini lebih fleksibel, iaitu turut memasukkan golongan M40 dari pada keluarga besar, supaya kelompok ini tidak tertinggal.

"Selain itu, ada cadangan supaya subsidi kerajaan bukan sahaja diterima pengguna, malah bermula pada peringkat sumber bagi memastikan harga akhir bagirangan pengguna tidak membekankan rakyat. Saya berharap akan meneliti cadangan itu," katanya.



SAIFUDDIN ketika sesi dialog bersama belia mengenai kos sara hidup belia di kementerianinya, semalam.

■ Sesi dialog bawa suara orang muda tangani isu kos sara hidup

Mohd Husni Mohd Noor
mhhusni@metro.com.my

Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan dialog dengan wakil gabungan dan persatuan belia dari seluruh negara untuk mendapatkan input dan idea bagi menangani isu kos sara hidup dalam kalangan belia.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sesi berkenaan membolehkan KPDNHEP menjelaskan dasar serta inisiatif yang dilaksanakan khususnya dalam menangan-

ni isu kos sara hidup.

Beliau berkata, menerusi dialog itu, pelbagai persoalan dan cadangan dilontarkan.

"Sesi dialog disertai lebih 300 belia membabitkan 41 gabungan belia seluruh negara yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia (MBM).

"Saya sangat teruja dan terkesan dengan pandangan serta persoalan disampaikan mereka. Justeru, saya mencadangkan kepada MBM inisiatif sama dilaksanakan di peringkat negeri.

"Melalui cara ini, isu kepenggunaan dan kos sara hidup dapat dipertuaskan terutama membabitkan belia," katanya selepas sesi dialog berkenaan.

Katanya, sebagai komitmen kerajaan membawa

suara belia bersama menangani isu kos sara hidup. KPDNHEP turut menyenaraikan Presiden MBM, Jufitri Joha bagi menganggotai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Saifuddin berkata, sebagai sekretariat dalam majlis berkenaan, pihaknya dalam proses menyenaraikan wakil Majlis Belia Felda.

"Ini bukti kesungguhan kementerian yang melihat potensi dan sumbangan wakil belia di peringkat jawatan kuasa tertinggi diwujudkan kerajaan," katanya.

Pada masa sama, Saifuddin berkata, antara isu dibangkitkan belia dalam sesi dialog berkenaan ialah ber-

kaitan pemilikan rumah di mana mereka mahu kerajaan memainkan peranan dalam mengawal selia harga rumah supaya tidak hanya ditentukan oleh faktor lain.

"Mereka juga merasakan sistem data dalam program Food Bank di 11 universiti dilaksanakan KPDNHEP ketika ini lebih fleksibel iaitu turut memasukkan golongan M40 daripada keluarga besar supaya kelompok ini tidak tertinggal.

"Selain itu, ada cadangan subsidi kerajaan bukan saja diterima pengguna, malah bermula di peringkat sumber bagi memastikan harga akhir barangan pengguna tidak membebankan rakyat. Saya berjanji akan meneliti cadangan itu," katanya.

200 cabang sokong Anwar atas pilihan sendiri

PUTRAJAYA - Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyifatkan tindakan hampir 200 Ketua Cabang PKR menyatakan pendirian menyokong kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Presiden PKR dan juga Perdana Menteri kelapan sebagai pilihan mereka sendiri.

Menurutnya, tindakan itu diambil bagi menzahirkan sokongan terhadap presidennya.

"Ada sejumlah ketua cabang nak menyatakan sokongan kepada presiden di mana ia sekadar pernyataan sokongan. Tak apa, itu lumrah dalam politik.

"Ada orang nak sokong, ada yang tak sokong. Bentuk sokongan itu ada yang diam dan ada yang dizahirkan. Jadi, pilihan ketua-ketua cabang itu untuk menzahirkan," katanya pada sidang akhbar sempena Program Sesi Dialog Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Majlis Belia Malaysia (MBM) di sini semalam.

Kelmarin, lebih 90 peratus ketua cabang PKR atau 198 daripada 219 cabang berdaftar menegaskan hanya mahu Datuk Seri Anwar Ibrahim menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri kelapan.



Ciplak Siti Khadijah

RIZQ Fazlana (tengah) menunjukkan barang rampasan telekung tiruan Siti Khadijah bernilai RM11,340 di Bilik Gerakan KPDNHEP Muar.

■ Guna tapak ekspo jual telekung palsu raih untung ekspres

Badrul Kamal Zakaria
 am@metro.com.my

Muar

Guna tapak ekspo untuk menjual telekung palsu. Itu antara kegiatan peniaga yang diambil tindakan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Muar hasil operasi di sebuah tapak ekspo di Tangkak di sini, semalam.

Dalam pemeriksaan mengejut itu, pihak KPDNHEP berjaya menemui dan merampas 127 pasang telekung tiruan menggunakan jenama terkenal Siti Khadijah bernilai RM11,340.

Ketua KPDNHEP Cawangan Muar, Rizq Fazlana

Abd Hamid berkata, pemeriksaan Ops Barangan Tiruan itu dijalankan selepas pihaknya menerima aduan daripada pemilik cap dagang berkaitan penjualan produk Siti Khadijah disyaki menggunakan cap dagang palsu.

"Lima anggota KPDNHEP Cawangan Muar bersama dua wakil syarikat berkenaan membuat serbuan di tapak ekspo itu jam 1.30 tengah hari semalam.

"Kami mengambil tindakan terhadap sebuah premis menjual pakaian kerana menawar 127 pasang telekung berjenama tiruan," katanya.

Rizq Fazlana berkata, peniaga tempatan itu dikesan menjual telekung tiruan pada harga serendah RM90 sepasang berbanding harga produk asli yang dijual dengan harga RM146.

“Peniaga tempatan itu dikesan menjual telekung tiruan pada harga serendah RM90 sepasang berbanding harga produk asli yang dijual dengan harga RM146”

Rizq Fazlana Abd Hamid

"Ketika serbuan dilakukan, seorang wanita berusia 40 tahun berada di dalam premis berkenaan dan kami turut merakamkan percakapannya bagi membantu siasatan.

"Kami juga masih melakukan siasatan lanjut kes itu mengikut Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP

Muar akan terus menjalankan operasi terhadap mana-mana premis didapati menjual barangan tiruan termasuk jenama itu pada masa akan datang.

"Semua peniaga dinasihatkan mematuhi undang-undang dan tidak terlibat dalam aktiviti penjualan atau pengedaran barangan tiruan. Pengguna dinasihatkan berhati-hati ketika membuat pembelian dengan memastikan produk dibeli adalah asli.

"Sekiranya ada sebarang maklumat atau aduan, pengguna boleh menghubungi kami di talian 06-9521094 atau di aplikasi ez-adu.

"Pengguna juga boleh mengemukakan aduan mereka ke e-mel eaduan@kpdnhep.gov.my," katanya.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

6 OGOS 2019 (SELASA)

Ketua cabang PKR berhak beri sokongan

Putrajaya: Ketua cabang PKR di seluruh negara berhak menzahirkan sokongan kepada Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melalui apa cara sekalipun termasuk dengan mengumpul tanda tangan.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata menjadi lumrah dalam politik apabila ada ahli mahu menyatakan sokongan terhadap pemimpin melalui cara tertentu, termasuk PKR.

"Apabila ada ketua cabang mahu menyatakan sokongan kepada presiden, itu lumrah kerana dalam politik ini (perkara) biasa, ada sokong, ada tak sokong.

"Pilihan ketua cabang nak menzahirkannya (mengumpul tanda tangan pada peringkat cabang) tak mengapalah, kita biar proses itu bukan menjejaskan ekonomi negara.

"PKR parti demokratik, saya tak nak meremehkan kebijaksanaan ketua cabang, mereka tahu apa dilakukan," katanya di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam.